

# Miri perluas status bandar raya persahabatan dengan La Trinidad

**MIRI:** Majlis Bandaraya Miri (MBM) memperluaskan status bandar raya persahabatan dengan Majlis Perbandaran La Trinidad (MPLT) di wilayah Benguet Filipina menerusi Memorandum Persahabatan (MoU) yang termeterai di sini, petang kelmarin.

La Trinidad yang terkenal dengan industri perladangan buah strawberi adalah yang kedua terpilih selepas bandar raya Hua Lian di Taiwan.

MBM diwakili Datuk Bandar Adam Yii sementara MPLT diwakili Datuk Bandar Romeo K Salda. Majlis menandatangani dokumen perjanjian disaksikan Menteri Pengangkutan Datuk Lee Kim Shin yang hadir mewakili Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Dato Sri Dr Sim Kui Hian.

Dalam teks ucapan Dr

Sim, beliau memberitahu, hubungan persahabatan dan persefahaman harus diperluaskan yang bukan hanya memanfaatkan kedua bandar raya tetapi juga Sarawak, Malaysia dan wilayah Benguet di Filipina.

“Dengan adanya hubungan dengan bandar raya luar negara, kedua bandar boleh membuat lebih banyak pertukaran antara kerajaan tempatan di mana kedua-dua bandar raya boleh berkongsi sumber, melengkap satu sama lain dengan kekuatan masing-masing dan mencapai kerjasama menang sama menang,” jelasnya.

Menerusi perjanjian ini, kedua pihak perlu bekerjasama mempromosikan mewakili rakyat iaitu Sarawak, Malaysia dan Benguet Filipina dengan aktif menganjurkan program pertukaran kepelbagaian budaya.

Dari perspektif ekonomi, kedua-dua bandar raya memiliki keistimewaan dan kekuatan dalam aliran perdagangan yang boleh memanfaatkan kedua negara.

Dalam aspek ini, La Trinidad adalah sebagai salah satu pusat pembekal buah strawberi dan bunga ros di Filipina.

“Peluang dari perjanjian persahabatan ini akan memperluaskan pasaran ekonomi dengan bandar raya luar negara dan Sarawak dapat menawarkan produk pertaniannya menerusi program pertukaran,” tambah Dr Sim. Kerjasama lain melibatkan pembangunan industri pelancongan, pendidikan dan alam sekitar.

Sementara itu, Adam berkata terdapat sebahagian kecil warga Filipina menetap dan bekerja di sini termasuk

kalangan profesional yang terlibat dan industri minyak dan gas.

Selain membangunkan aspek perniagaan, perdagangan dan pelancongan, MBM juga mampu mengukuhkan interaksi antara penduduk Miri dan La Trinidad, tambahnya.

“Bila kita mempunyai hubungan interaksi positif di kalangan rakyat, saya pasti komponen penting lain seperti perniagaan, perdagangan dan pelancongan akan bergerak sama,” katanya.

Romeo pula memberitahu, Miri adalah sebuah bandar raya maju dan akan mempelajari program pembangunan yang dilaksanakan MBM.

Beliau berharap perjanjian akan memperkasakan lagi persahabatan dengan merancang pelbagai program pertukaran antara kedua pihak.

utusan Borneo - 12/01/20